

18/01/2001

Baca puisi Terengganu serlah keanekaragaman berdeklamasi

Wan Ahmad Ismail

BACA Puisi Kuala Terengganu, akhir Oktober lalu di laman Kolam Renang, Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu mengakhiri acara pada puisi bagi Negeri Terengganu sepanjang tahun 2000.

Sebelum itu, pada September diadakan acara Baca Puisi Santai di Dewan Besar Maktab Perguruan Kuala Terengganu, Batu Rakit, Kuala Terengganu. Beberapa acara Baca Puisi turut diadakan di beberapa daerah dalam bentuk kecil-kecilan membabitkan beberapa penyair.

Di Besut penyair Nawawee Mohammad bertanggungjawab menghidupkan suasana pembacaan puisi di maktabnya manakala Baca Puisi Santai di Maktab Perguruan Kuala Terengganu membabitkan aktivis sastera dan termasuk Ali Jusoh, Abdul Mubin Ismail, Mohd Fauzi Yahaya, Ghazali Ismail, S Bagio, Syed Ahmad Kassim dan saya sendiri.

Tidak ketinggalan beberapa pelajar yang berani membaca puisi karya Usman Awang, Baha Zain dan A Samad Said.

Penyair baru yang hangat dengan puisi sufinya, Ali Jusoh telah membaca puisinya yang berjudul Pohon Pusaka manakala Abdul Mubin Ismail mendeklamasi puisinya Jarang Anak Melayu" dan Perjuangan Bangsa.

Manakala S Bagio penulis puisi untuk simpanan fail membaca lakon puisi humor dengan penuh sindiran tajam manakala Fauzi Yahya dengan teknik teaterikalnya mempersembahkan puisi Gelap Ke? dan lantang sekali dan Shamshir H M dengan puisi agamanya Pujangga dan Muhammad.

Hampir semua acara baca puisi di Terengganu tahun 2000 "dibuat secara sulit" didalangi penampilannya Majlis Teater Negeri Terengganu Pimpinan Datuk Syed Ahmad Syed Kassim dengan bantuan dan kerjasama badan teater gabungan, Pelita, Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, Pena.

Acara Baca Puisi Kuala Terengganu Oktober lalu cukup hangat dan meriah sekali kerana ramainya tokoh teater. Antaranya Eman Manan, Othman Zainuddin, Ismail Kassan, Fauzi Amir Gus, Maarof Seman R S., Fauzi Yahaya, Othman Zaharuddin Harun, Mazlan Zakaria, Syed Ahmad Kassim dan beberapa teman teater yang lain.

Disebabkan acara sudah larut malam dan tidak mahu mengganggu penghuni hotel dan penduduk sekitar yang hadir, Marzuki Ali, Ku Seman Ku Hussain dan Mohd Lazim Endut tidak sempat berpuisi.

Acara dipengerusikan oleh Pengarah drama Senok Othman Zaharuddin dimulakan dengan lagu puisi dan lagu tradisi Terengganu yang dimainkan oleh Nik Adnan. Menyusul Saudara Mazlan Zakaria yang bakal mengarah drama terbaru Malaya Hotel dengan meniup serunai kesetiiaannya berdasar puisi A Samad Said dari Kumpulan Antologi Puisi Al-Amin.

Istimewa lainnya, pelakon drama humor Terengganu Ibrahim Taib julung kalinya menyampaikan sebuah puisi loghat Hulu Terengganu dengan judul Orange' Huluk (Orang Hulu) dengan bersahaja.

Cara baca dan sebutan Ibrahim itu mencuit hati penonton sepanjang pembacaannya yang penuh sindiran dan bermakna itu.

Sebelum Ibrahim ada beberapa aktivis teater dan penyair telah membaca puisi mengikut loghat Terengganu dan Kelantan seperti Abdul Mubin Ismail, Mohd Lazim Endut, Awang Abdullah, Fauzi Yahaya, Othman Zaharuddeen dan S.Bagio di sepanjang bacaan puisi di Terengganu tahun 2000.

Penonton dikejutkan oleh kenyataan Othman, seorang penulis dan pengarah, yang menyebut bahawa dalam acara Baca Puisi Kuala Terengganu ini, membaca puisi adalah babak baru dan pertama kali buat dirinya dan beliau belum

pernah membaca puisi di mana-mana majlis sepanjang hidupnya.

Beliau membaca puisi karya Awang Abdullah berjudul "Hari Tuanya Singgah" yang dipetik dari antologi Wilayah Permata. Ternyata sebagai seorang pelakon, pengarah dan penulis, penyampaian Othman cukup bertenaga.

Satu lagi cara pembacaan puisi yang menarik dan istimewa adalah dari penyair dan pelakon teater Marroof Seman R S dan penulis Fauzi Amir Gus menyampaikan puisi Ramadan secara berduet. Suara Marroof Seman yang lantang dan bersahaja diimbangi suara Fauzi Amir Gus yang lembut dan sederhana.

Penulis drama pentas Ismail Kasan tampil dengan puisi berjudul Perempuan. Malam puisi itu bertambah panas apabila Mohd Fauzi Yahaya tampil dan mendeklamasi puisi terbaru beliau berjudul Ham dengan penuh teaterikal.

Sambil membaca, berlakon, sesekali meraung, beliau dengan penuh semangat menceritakan kebijaksanaan Dr Mahathir dan Hadi Awang dalam pembangunan negara dan agama.

Saya sendiri membaca puisi terbaru berjudul Tanah Air Ku, Darah Ku. Eman Manan mengakhiri majlis dengan gerak lakon menarik kerusi lalu akhirnya diucap Kerusi. Itu puisinya.

Pada keseluruhannya Baca Puisi Kuala Terengganu memberi kekesanan yang amat bermakna dan memuaskan semua penonton. Moga tahun hadapan pembacaan puisi akan diteruskan dengan penuh pengertian.

(END)